

'Saya kasihan lihat toman banyak anak'

HM 1577124 MS 20

Kaki pancing lepas semula dua induk ikan selepas 8 minit naikkan guna umpan jumfrong

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Sik

Kasihan pula bila tengok banyak anak, jadi saya lepas semula," kata Muhammad Naiman Zulkifli, 24, yang melepaskan semula dua ikan toman yang dipancingnya di Tasik Beris di sini baru-baru ini sekali gus mendapat pujian warga maya selepas memuat naik video di TikTok.

Perkongsian video peniaga apam balik itu meraih 2.9 juta tontonan dan lebih 4,800 komen netizen yang memuji tindakan Muhammad Naiman melepaskan dua induk ikan itu sambil sekumpulan anak ikan toman dilihat berhampiran tasik itu.

Berkongsi cerita, Muhammad Naiman berkata, dia menaikkan dua induk berkenaan secara berasingan dalam masa selang dua minit dan percaya 'sekumpulan' ikan berada di tasik sama adalah anak induk ikan berkenaan.

Menurutnya, induk ikan berkenaan adalah jantan dan betina berdasarkan saiz iaitu ikan bersaiz lebih kecil adalah jantan, manakala betina bersaiz lebih besar.

"Saya dapat naikkan dua ikan itu menggunakan jumfrong (umpan palsu) dan lapan minit kemudian saya lepas semula kerana nampak ada sekumpulan anak ikan toman berhampiran.

"Rasa kasihan pula sebab nampak anak ikan itu dan ketebulan saya bukan penggemar ikan toman jadi lebih baik dilepaskan semula dua induk itu ke habitat asal," katanya.

Katanya, ketika melepaskan ikan itu ke tasik, sekumpulan anak ikan turut berenang berhampiran seolah-olah tahu induk mereka dilepaskan di kawasan itu.

"Ikan toman antara ikan yang menjaga anak dan berenang bersama atau anak berenang di atas badan induk selain ikan haruan dan bujuk," katanya.

Berhubung perkongsian video TikToknya, Muhammad Naiman berkata, dia tidak menyangka video itu meraih jutaan tontonan serta ribuan komen netizen.

"Mungkin video itu bawa mesaj kerana anak ikan itu dilihat seolah-olah seperti menunggu induknya," katanya.



“Kebetulan saya bukan penggemar ikan toman jadi lebih baik dilepaskan semula
Muhammad Naiman

MUHAMMAD Naiman melepaskan kembali dua induk ikan toman dinaikkan ke darat ketika memancing di Tasik Beris, Sik.

ANAK Ikan toman yang menunggu induknya dilepaskan.